



SIARAN MEDIA

SISTEM MAKLUMAT NASIONAL ISU-ISU SOSIAL (MANIS)

KUALA LUMPUR, 24 Mac – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim telah melancarkan (*soft launch*) sistem Maklumat Nasional Isu-isu Sosial (MaNIS) pada hari ini di Institut Sosial Malaysia. Sistem MaNIS ini bakal menjadi tunjang utama pengkalan data bagi Kementerian ini.

Sistem MaNIS ini dahulunya dikenali sebagai Sistem Pengumpulan Data Isu-isu Sosial atau SPDIIS. Sistem SPDIIS ini telah melalui proses penjenamaan semula kepada sistem MaNIS selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan Data Raya Sektor Awam melalui mandat oleh YAB Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak semasa 25th MSC *Malaysia Implementation Council Meeting* pada 14 November 2013.

YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim dalam ucapannya sempena Majlis Perhimpunan Bulanan KPWKM berkata, “Sistem MaNIS ini kelak diharapkan dapat menjadi alat pengurusan informasi yang komprehensif yang berperanan untuk mengumpul, mengawal, menganalisa dan membuat laporan mengenai data bagi kumpulan sasar yang diselaraskan oleh KPWKM. Ia juga akan dijadikan sebagai platform pengumpulan data sosial berpusat bagi membantu penggubalan dasar serta pembangunan program sosial yang berkualiti untuk dilaksanakan oleh KPWKM dan seterusnya menjadikan KPWKM sebagai pusat rujukan nasional isu-isu sosial.”

Tambah beliau lagi, sistem MaNIS ini berfungsi untuk mengumpulkan data berkaitan isu-isu sosial bagi kumpulan sasar Kementerian yang merangkumi data wanita, kanak-kanak, warga emas, OKU, orang papa, mangsa bencana, keluarga dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Kementerian berharap supaya Sistem MANIS ini berupaya menjadi peneraju maklumat dan data nasional isu-isu sosial yang mampu menyedia dan menjana pelbagai variasi laporan dan statistik dan seterusnya berupaya membantu Kementerian dalam merangka dasar dan program yang berdasarkan data sebenar.

Majlis Perhimpunan bulanan yang bertemakan “Kesaksamaan Gender” ini turut meraikan 26 orang penerima Anugerah Pekerja Contoh sebagai pengiktirafan kepada mereka yang telah menjalankan tugas dengan jayanya dalam memenuhi tuntutan pemegang taruh dan kumpulan sasar.

YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, Dr. Al-Azmi Bakar, Pengarah ISM, Ketua-ketua Pengarah Agensi di bawah KPWKM, Pegawai-pegawai kanan Kementerian dan 400 orang kakitangan turut hadir di majlis ini.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856, KM 6
Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
Telefon : 019-3105163 (Zubaidi) / 016-8008375 (Hazliza)
Tarikh : 24 Mac 2016